

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**PGT 434 – Pengurusan Disiplin Sekolah**

Masa : 2 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN**

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Jika calon menjawab lebih daripada **EMPAT (4)** soalan, hanya **EMPAT (4)** soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

1. Pengurusan kelas merupakan suatu aspek penting untuk membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran berlaku dengan cara yang berkesan.
  - a) Apakah yang dimaksudkan dengan pengurusan kelas?  
(10 markah)
  - b) Bincangkan cara seseorang guru dapat mengawal perlakuan negatif dan masalah disiplin dalam kalangan pelajar di dalam bilik darjah.  
(15 markah)
2. Vandalisme, buli dan peras ugut semakin serius di sekolah-sekolah.
  - a) Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan ketiga-tiga istilah tersebut dengan memberi contoh-contoh yang sesuai.  
(10 markah)
  - b) Bincang **LIMA (5)** punca masalah tersebut boleh berlaku dan terangkan tindakan yang boleh diambil bagi mengawal dan mencegahkannya?  
(15 markah)
3. Pengawas sekolah dilantik untuk membantu pihak sekolah mengawal dan melaksanakan disiplin dalam kalangan pelajar.
  - a) Jelaskan proses pelantikan dan bincangkan **LIMA (5)** tugas seseorang pengawas sekolah.  
(10 markah)
  - b) Bincangkan **LIMA (5)** masalah yang dihadapi mereka dalam menjalankan tugas tersebut dengan memberi **LIMA (5)** cadangan bagi menyelesaikan masalah berkenaan.  
(15 markah)

4. Masalah ponteng kini sering dihadapi di sekolah-sekolah.
- a) Jelaskan **LIMA (5)** faktor yang boleh menyebabkan salah laku ponteng ini berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar.  
(10 markah)
- b) Bincangkan **LIMA (5)** tindakan yang boleh diambil oleh pihak sekolah bagi mengatasi masalah tersebut.  
(15 markah)
5. Penyelenggaraan disiplin merupakan suatu aspek penting pengurusan sesebuah sekolah.
- a) Jelaskan faktor-faktor asas yang seharusnya menjadi panduan sebelum dijatuhkan hukuman pelanggaran disiplin sekolah.  
(10 markah)
- b) Apakah peraturan-peraturan yang harus dipatuhi dalam menjalankan kuasa disiplin dan terangkan langkah-langkah yang perlu diambil jika ada pelanggaran disiplin.  
(15 markah)